

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/ PENOLONG JURUTERA

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pelukis Pelan Gred JA1, JA2, JA3, JA5, JA6, JA7, JA8.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Kementerian Kerja Raya/ Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melukis, menyurih pelbagai pelan berkaitan lukisan arkitek, rangka bina, perspektif, rajah pembentukan besi, keratan rentas, kontur dan lain-lain berkaitan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pelukis Pelan Gred JA1

4.1.1 Aspek Pengurusan

- a. Menyedia pelan untuk projek-projek Ladang Printis/ Ladang Tanaman Padi, pengambilan tanah, pembinaan stor/bangunan dan pengairan/ saluran.
- b. Menyediakan lukisan-lukisan pelan-pelan yang diarahkan dan mendapatkan pelan asal/ asas (bagi kerja ubahsuaian).

4.1.2 Aspek Pentadbiran

- a. Mendaftar pelan, maklumat pengairan dan menyedia salinan-salinan pelan untuk *tender table document* dan mewarnakan pelan.
- b. Membuat pelan persiapan untuk hari perayaan dan pameran seperti model-model, sepanduk, tulisan, carta dan lain-lain berkaitan.
- c. Mengendali dan meningkatkan khidmat nasihat kaunter.

4.2 Pelukis Pelan Gred JA2

4.2.1 Aspek Pengurusan

- a. Mengendali penggunaan komputer AUTOCAD untuk melukis pelbagai pelan berkaitan dengan jalan, kalbot dan jambatan.
- b. Menyelia/ mengatur program dan menyelaraskan penyediaan pelan-pelan projek pembangunan.
- c. Menyelia kaedah dan format persembahan pelan serta mendaftar semua pelan-pelan.

4.3 Pelukis Pelan Gred JA3

4.3.1 Aspek Pengurusan

- a. Mengenal pasti dan menyelaraskan penyediaan pelan-pelan untuk operasi dan penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran.
- b. Menyelaraskan penyediaan pelan-pelan untuk pengambilan balik tanah.
- c. Mengenal pasti dan menyelaraskan kerja-kerja membaharui pelan-pelan lama apabila berlaku perubahan.
- d. Menyelaraskan kerja-kerja penyurihan dan simpanan maklumat *spatial*.
- e. Menyelaraskan penyediaan pelan-pelan untuk baik pulih atau menaikkan taraf infrastruktur.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pegawai di Jabatan Kerja Raya.
- b. Pegawai di (13 Pertubuhan Peladang) dalam kawasan KADA.
- c. Pegawai di Pusat Latihan KADA di Lojing, Gua Musang.

Luaran

- a. Semua kementerian/ jabatan di peringkat persekutuan dan negeri, semua agensi/ badan berkanun, semua kerajaan tempatan dan individu yang berurusan.
- b. Pertubuhan/ persatuan dalam negeri.

6. PERSEKITARAN KERJA

Dalaman

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam negara.

Luaran

- a. Semua kementerian/ jabatan di peringkat persekutuan dan negeri, semua agensi/ badan berkanun, semua kerajaan tempatan dan individu yang berurusan.
- b. Pertubuhan/ persatuan dalam dan negeri.
- c. Petani/ orang perseorangan yang terlibat dalam aktiviti pertanian.

7. KEMAHIRAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian seni lukis atau lukisan geometri pada peringkat peperiksaan tersebut; dan
- b. Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- c. Berkemahiran dalam bidang komputer khususnya AUTOCAD.
- d. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- e. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. *Esprit de Corps*.
- c. Bertanggungjawab.
- d. Profesionalisme.
- e. Kebebasan, adil dan saksama.
- f. Kualiti.
- g. Kerahsiaan.
- h. Kompetensi dan ketelitian.
- i. Disiplin diri.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Percanggahan kepentingan.
- b. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.
- c. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- d. Risiko terdedah kepada peluang penyelewengan.
- e. Tekanan.

Sumber : Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu Kelantan (KADA). Surat Rujukan KADA. 01/03:01 KH.18(22) bertarikh 26 Jun 2008.
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Surat Rujukan (17) KPKT(S) 01/510/10 KLT. 1 bertarikh 19 Jun 2009.
Pelabuhan Labuan. Surat Rujukan PL.T(S).02.05/17(U) Jld.3(12) bertarikh 14 Julai 2008.